

alat-alat
Barang-barang
pameran-pameran

Gambar-gambar
tokoh-tokoh
Bendera-bendera

cantik-cantik
lagu-lagu
Barang-barang

Uniknya Muzium Mini

Afifi : Wah, sungguh kreatif penduduk di kampung ini !

Datuk : Betul, Afifi. Pembinaan muzium mini ini hasil usaha mereka secara sukarela. Rumah ini ialah sumbangan penduduk. [redacted] di sekeliling sudut pameran sumbangan daripada pelbagai pihak. Para pelajar institusi pengajian tinggi pula gigih menghias muzium ini.

Afifi : [redacted] di sini juga menarik dan tersusun.

Datuk : Ya Afifi. [redacted] lama seperti hiasan rumah, pinggan mangkuk, kraf tangan duit dan setem lama serta perabot antik diletakkan di situ.

Afifi : Di sana pula, Afifi melihat alat kegunaan harian dan senjata lama dipamerkan. Tentu [redacted] itu mempunyai nilai sejarah yang tinggi.

Datuk : Sudah tentu, Afifi. Peminat barangan lama tentu terpegun apabila melihat [redacted] barangan yang diletakkan di dalam rak berkaca itu.

Afifi : Wah, itu potret [redacted] yang berjasa kepada negara ! [redacted] dan berseni sungguh potret itu. [redacted] monumen itu pula ada nilai kreatifnya. Tentu jurufotonya seorang yang hebat. Datuk, mengapakah muzium mini ini ditubuhkan ?

Datuk : Muzium ini akan menceritakan cara dan resam hidup orang dahulu kepada generasi baharu seperti Afifi, sekali gus menanamkan sikap patriotik.

Afifi : Oh begitu! Seronoknya, ada juga [redacted] patriotik berkumandang sebagai halwa telinga.